

16/08/1997

(Serius ... Setiausaha Agung Komanwel, ... )

SERIUS ... Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku, yang memulakan lawatan selama lima hari ke Malaysia semalam, mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri.

Anyaoku, tiba di sini dari Brunei, dalam rangka lawatan untuk berunding dengan ketua-ketua kerajaan Komanwel mengenai persediaan mesyuarat di Edinburgh, Scotland Oktober depan. Beliau akan menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Selepas Malaysia, Anyaoku, yang diiringi tiga pegawai kanannya akan berlepas ke Afrika Selatan. - Bernama

(END)